

Semak semula IHP elak rakyat terus terhimpit kenaikan inflasi

Walaupun kadar inflasi di negara ini dikatakan 'lebih rendah' daripada purata dunia dan kekal terkawal, ia tidak menggambarkan realiti pengalaman rakyat terus terhimpit akibat kenaikan inflasi harga makanan dan bahan api.

Jabatan Perangkaan menyatakan Indeks Harga Pengguna (IHP) – yang mengukur kadar perubahan dalam kos perbelanjaan bakul barangan dan perkhidmatan oleh isi rumah dalam tempoh tertentu – meningkat kepada 2.3 peratus tahun ke tahun daripada 123.1 pada April tahun lalu kepada 125.9 pada April lalu.

Secara rasminya, IHP Malaysia lebih rendah berbanding dengan India, Amerika Syarikat (AS), United Kingdom (UK) dan Singapura yang masing-masing berada pada 7.04, 8.6, 9.1 serta 5.6 peratus.

Bagaimanapun, subsidi bahan api, subsidi lain serta harga siling atau kawalan harga sudah tentu menyumbang kepada memastikan inflasi sebenar di Malaysia lebih rendah daripada apa sepatutnya.

Memandangkan pengeluar terpaksa menanggung beban kenaikan harga makanan ternakan dan kekurangan buruh, ini mengakibatkan peningkatan peratusan dua digit dalam Indeks Harga Pengeluar (PPI) kepada 11 peratus pada April.

PPI mengukur harga barang pada pintu masuk kilang, iaitu produk siap tetapi mengecualikan kos pengangkutan atau logistik dan caj pasca pengeluaran lain seperti pemborongan, pengedaran serta pemasaran.

Ini menunjukkan walaupun tanpa kos pengangkutan atau logistik, inflasi makanan sepatutnya jauh lebih tinggi.

Bagi menggantikan pelarasan harga siling dan variasi ayam dan telur serta pemansuhan subsidi minyak masak dalam botol 2 kilogram (kg), 3kg dan 5kg mulai 1 Julai lalu, kerajaan akan menyediakan bantuan tunai tambahan kepada isi rumah B40.

Bantuan tunai tambahan RM630 juta akan dialihkan daripada subsidi asal RM729 juta yang dahulu diperuntukkan kepada penternak ayam yang tambahan RM100 serta RM50 akan diberikan kepada isi rumah B40 dan bujang.

Namun, ini bukan penyelesaian mampan untuk mengurangkan kesengsaraan kos sara hidup rakyat dalam jangka panjang.

Persoalannya, berapa lama elaun tunai kecil itu boleh bertahan bagi isi rumah B40 membelanjakan sekurang-kurangnya 25 peratus daripada pendapatan untuk makanan dan minuman bukan alkohol sebelum wabak COVID-19 lagi?

Menurut Laporan Tinjauan Perbelanjaan Isi Rumah Jabatan Perangkaan 2019, isi rumah B40 memperuntukkan lebih banyak daripada pendapatan untuk makanan dan minuman berbanding isi rumah M40 pada 18 peratus dan isi rumah T20 pada 12.6 peratus.

Dengan peningkatan inflasi harga makanan beberapa bulan kebelakangan ini, isi rumah B40 mungkin sudah membelanjakan lebih 50 peratus pendapatan untuk makanan.

Isi rumah M40 atasan dan pertengahan juga kumpulan pendapatan rentan kerana corak perbelanjaan mereka setanding dengan B40 dalam penggunaan makanan. Pendek kata, inflasi menghakis kuasa beli mereka kerana gaji tidak meningkat.

Tidak seperti kumpulan T20, mereka juga biasanya tidak mempunyai simpanan tunai mencukupi berbanding dengan pendapatan.

Memandangkan isi rumah M40 pertengahan dan atasan tidak mempunyai akses kepada bantuan tunai, adakah kita akan melihat lebih ramai orang menghadapi masalah aliran tunai atau terpaksa mengetatkan tali pinggang sejarusnya membawa kepada penurunan taraf hidup?

Laporan Anggaran Pendapatan Isi Rumah dan Insiden Kemiskinan (2020), Jabatan Perangkaan menunjukkan sekitar 20 peratus atau 580,000 isi rumah jatuh daripada kategori pendapatan M40 kepada B40 pada 2020.

Sebakul barangan runcit berharga RM79.90 pada 2010 meningkat kepada RM100 pada April tahun ini yang bermakna kuasa beli isi rumah menurun sebanyak 20.1 peratus, mengikut Ketua Perangkawan, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin.

Itulah sebabnya penting untuk menyemak semula IHP dan memastikan ia lebih mencerminkan realiti di lapangan.

<https://www.bharian.com.my/kolumnis/2022/07/974370/semak-semula-ihp-elak-rakyat-terus-terhimpit-kenaikan-inflasi>